

## Persepsi Masyarakat Islam Terhadap Idea Penjanaan Dana Masjid: Kajian di Perak

Fidlizan Muhammad\*, Mohd Yahya Mohd Hussin, Azila Abdul Razak, Fatimah Salwa Abdul Hadi

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia

\*Corresponding author: fidlialwa@gmail.com

### Abstract

The mosque is a highly respected institution by Muslim society. Hence, a mosque is not only a place of worship for prayers or religious speech delivery, but the Muslim society regard this institution as the place to increase monetary and spiritual holy deeds through contributions in the form of waqf, sadaqah and others. Due to the fact that those contributions are continuous and potentially increase from time to time, it is important to determine the extent of agreement among Muslim society in Perak particularly towards generating the mosque fund for the purpose of wider benefits. Therefore, this study employs questionnaires distributed to mosque members in Perak to identify factor influences the Muslim society perception towards the idea of expanding the mosque fund by using the logistic regression method. The regression result indicates that factors of financial management, involvement as committee and education level are significant towards this idea. Thus, this study importantly implicates the need to enhance the mosque financial management and deliver the importance of this generating mosque activity to Muslim society for their benefit.

*Keywords:* Mosque institution; illiquid saving; fund generation; logistic model

### Abstrak

Masjid merupakan institusi yang disanjung tinggi oleh masyarakat Islam. Susulan itu, masjid tidak sekadar menjadi tempat melaksanakan ibadat seperti solat dan menyampaikan kuliah agama sahaja. Sebaliknya, masyarakat Islam menjadikan institusi ini antara tempat bagi meningkatkan amal jariah berbentuk harta dan bukan harta melalui sumbangan dalam bentuk wakaf, sedekah dan sebagainya. Memandangkan sumbangan ini berterusan dan berkemungkinan meningkat dari semasa ke semasa, maka adalah penting untuk mengetahui sejauh mana masyarakat Islam di negeri Perak khususnya bersetuju terhadap penjanaan dana masjid untuk tujuan kemaslahatan yang lebih luas. Justeru itu, kajian ini menggunakan borang soal selidik yang diedarkan kepada ahli kariah masjid di Negeri Perak yang bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi masyarakat Islam terhadap idea penjanaan dana masjid menggunakan kaedah regresi logistik. Dapatan regresi menunjukkan faktor pengurusan kewangan, penglibatan sebagai ahli jawatankuasa dan tahap pendidikan merupakan faktor signifikan yang menyumbang kepada penerimaan idea penjanaan dana masjid. Oleh itu, implikasi penting kajian ini ialah keperluan untuk menambahbaik pengurusan kewangan masjid dan menyampaikan informasi kepada masyarakat Islam akan kepentingan aktiviti penjanaan dana masjid untuk kepentingan masyarakat Islam

*Kata kunci:* Institusi masjid; simpanan beku; penjanaan dana; model logistik

© 2014 Penerbit UTM Press. All rights reserved

### 1.0 PENGENALAN

Pelaburan merupakan strategi ekonomi bertujuan untuk mendapatkan pulangan dan faedah berbentuk barangan dan penambahan nilai wang. Kepentingan pelaburan ini diakui Islam yang menggalakkan umatnya untuk mendapatkan rezeki yang halal sama ada bekerja, berniaga dan sebagainya. Galakan ini dibuktikan dalam firman Allah S.W.T. yang bermaksud;

*“Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).”*

*al-Jumu'ah (62):10*

Syariat Islam menyediakan pelbagai pendekatan muamalah untuk memenuhi kehendak individu dan institusi dalam aspek pelaburan. Ia bertujuan memastikan urusan kewangan yang dilaksana bertepatan dengan fitrah dan maqasid syariah yang ditetapkan oleh Allah S.W.T. Perbincangan atau kajian berkaitan pelaburan cenderung diteliti kepada individu atau institusi berasaskan perniagaan yang dinamakan sebagai pelabur. Namun demikian, kemampuan institusi Islam bukan berasaskan perniagaan atau keuntungan untuk melaksana pelaburan kini mula mendapat tempat dalam banyak kajian seperti institusi wakaf, zakat dan masjid.

Dalam kajian ini, perbincangan keupayaan institusi masjid di negeri Perak sebagai pelabur merupakan fokus kajian ini. Fokus ini dipilih berdasarkan beberapa alasan. Pertama ialah faktor demografi di Malaysia yang majoriti penduduk beragama Islam. Atas faktor ini, bilangan institusi masjid di Malaysia berjumlah melebihi 6,000 buah. Manakala bilangan institusi masjid di Perak pula adalah 11 peratus daripada jumlah keseluruhan. Di samping itu, aktiviti menyimpan beku wang masjid di institusi perbankan pada jumlah yang banyak (Jaafar *et al.* 2001; Mohd Yahya *et al.* 2012). Ketiga pula pengalaman beberapa buah masjid di Malaysia membuktikan kejayaan dalam aktiviti pelaburan yang memberi kesan limpahan ekonomi dan sosial kepada kariah setempat (Faizal, 2009; Salawati, 2009) serta kemajuan institusi masjid di Singapura sebagai model (Ezad *et al.*, 2010) juga merupakan faktor kajian ini dilakukan.

## ■ 2.0 KAJIAN LEPAS

Kajian-kajian yang membincangkan berkaitan pelaburan harta oleh institusi Islam bukan berasaskan keuntungan adalah sedikit dan lebih tertumpu kepada aspek teori. Dari sudut kecenderungan topik perbincangan, institusi zakat dan wakaf mendapat kajian yang lebih menyeluruh berbanding institusi-institusi Islam yang lain seperti masjid. Hal ini didorong oleh perkaitan kedua-dua institusi tersebut secara jelas dengan urusan harta meliputi wang zakat dan juga harta wakaf.

Secara teori, usaha pembangunan harta wakaf telah dibincangkan secara meluas. Antaranya ialah Islahi (1996), Cizaksa (1995), Sadeq (2002), Kahf (2003) Asmak (2009), Khan (2010), Achene (2010), Syahnaz (2010) dan Hydzulkifli & Asmak (2013). Kamarudin (1991), Osman (1992), Siti Mashitoh (2006) dan Abu Bakar (2007) telah membincangkan berkaitan isu, kelemahan dan cabaran dalam pembangunan harta wakaf di Malaysia. Antaranya ialah perundangan, pengurusan, pentadbiran, lokasi dan juga sikap masyarakat. Isu kepakaran dalam aspek perancangan serta ketelusan (Kamarudin, 2007; Abu Bakar, 2007) serta kekurangan kemahuan dan desakan politik (Hasan & Abdul Shahid, 2010; Anan, 2012) turut mengekang usaha pembangunan harta wakaf di Malaysia. Noraini (1991) pula mendapati kegagalan institusi menguruskan harta wakaf secara cekap menjejaskan keyakinan masyarakat untuk berwakaf. Dari segi instrumen untuk membangunkan harta wakaf, instrumen sukuk dan Amanah Pelaburan Hartanah Islam (I-REIT) diketengahkan (Siti Mashitoh *et al.*, 2007, Siti Mashitoh, 2007; Shamsiah, 2007; Syahnaz, 2010).

Berkaitan pelaburan wang zakat pula, Suhaili & Nor 'Azzah (2009) membincangkan cadangan ini berdasarkan perspektif Islam dan juga beberapa isu yang perlu diatasi dalam melaksana. Kajian sama turut dilakukan oleh Wan Marhaini & Shamsiah (2012) dan Shofian & Luqman (2013). Antara yang diketengahkan ialah pemberian geran kepada asnaf bagi tujuan pertanian, perniagaan dan sebagainya bagi membolehkan asnaf berdikari pada masa hadapan. Pengalaman pelaburan zakat ini didapati berjaya diterapkan melalui inisiatif pembangunan asnaf usahawan oleh beberapa pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan (Mohd Abd Wahab & Adibah Hasanah, 2008). Dalam melaksana pelaburan zakat oleh institusi zakat di Malaysia, Abdul Rahim (2006) menggariskan tiga masalah utama yang perlu diatasi bagi memberi keyakinan kepada pembayar zakat. Antara tiga isu dikemukakan adalah berkaitan kecekapan pengurusan institusi meliputi aspek kos, perancangan aktiviti dan juga produktiviti. Kajian Imam & Sanep (2011), Sanep & Hairunnizam (2005), Muhammad Syukri (2002) serta Mohd Dahan (1998) mendapati bahawa persepsi masyarakat memainkan peranan penting untuk menjayakan matlamat zakat. Ini adalah kerana, kecekapan institusi akan mempengaruhi kepatuhan individu untuk melaksanakan tanggungjawab zakat kepada institusi yang berautoriti.

Berkaitan kajian awal yang membincangkan pelaburan institusi masjid di Malaysia ialah Jaafar *et al.* (2001). Mereka mendapati kecenderungan masjid adalah untuk menyimpan beku sumbangan dana yang diterima di institusi perbankan dengan mengharapkan pulangan keuntungan yang minimal. Seiring dengan usaha untuk menggerakkan dana wakaf serta zakat bagi kegunaan usahawan, cadangan sama dikemuka bagi pelaburan oleh institusi masjid (Joni Tamkin *et al.*, 2011; Fidlizan *et al.*, 2008). Kewajaran pelaburan dana masjid ini didapati dapat dilaksana memandangkan wujudnya panduan yang jelas oleh pihak MAIN meliputi aspek jaminan, kos pengurusan, agihan keuntungan dan organisasi pengurusan (Ashraff *et al.*, 2009). Kajian Mohd Yahya *et al.* (2012) secara khusus berkaitan dana kewangan institusi masjid melibatkan 331 masjid sebagai responden kajian di Perak mendapati sejumlah RM8 juta disimpan di institusi perbankan sehingga tahun 2011. Secara anggaran, simpanan tahunan bersih keseluruhan berjumlah antara RM4 juta hingga RM5 juta setahun.

Memandangkan jumlah simpanan besar dimiliki oleh institusi masjid, persoalannya adakah masyarakat Islam dapat menerima idea untuk mengembangkan dana bagi kepentingan masyarakat Islam. Hal ini penting diteliti bagi memastikan aktiviti yang dilaksana oleh institusi masjid mendapat sokongan berterusan daripada masyarakat Islam serta mengelak risiko kegagalan sebagaimana berlaku dalam pelaburan takaful wakaf pada tahun 2006 (Ashraf, 2007; Asmak & Wan Marhaini, 2011). Dalam merealisasikan cadangan ini, beberapa permasalahan perlu diatasi. Antaranya ialah amalan perekodan dana masjid, keefisienan organisasi masjid dan juga kawalan dalaman (Mohamed Azam *et al.*, 2013, Sulaiman *et al.*, 2008). Kajian Jamaliah *et al.* (2013) dan Siciliano (1997) mendapati pengurusan kewangan masjid yang efisien adalah signifikan mempengaruhi aktiviti sumbangan wang masyarakat kepada institusi.

Berdasarkan beberapa isu yang dihadapi oleh institusi agama bukan berorientasi keuntungan dalam melaksanakan pelaburan dana, kajian ini akan mengenal pasti faktor-faktor penting yang akan mempengaruhi masyarakat Islam untuk menerima cadangan pelaburan yang dilaksana oleh institusi masjid.

## ■ 3.0 KAEDAH KAJIAN

Analisis kajian ini melibatkan masyarakat Islam di negeri Perak merangkumi 16 buah daerah. Bilangan daerah ini adalah mengikut pengurusan pentadbiran masjid yang diselia oleh Pegawai Penyelaras Masjid Daerah (PPMD). Persampelan dilakukan secara rawak melibatkan individu-individu muslim di negeri Perak. Bilangan responden terlibat bagi setiap daerah adalah berbeza mengikut bilangan masjid. Bagi setiap masjid, bilangan borang soal selidik yang diagihkan adalah sebanyak 10 borang.

Bagi tujuan analisis untuk melihat kebarangkalian persetujuan atau penerimaan masyarakat Islam terhadap cadangan pengembangan dana masjid ini, kaedah analisis regresi logistik digunakan. Pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini adalah berbentuk dikotomis iaitu bersetuju atau tidak bersetuju. Menurut Gujerati (2003), bagi model yang menggunakan pemboleh ubah bersandar dan bebas berbentuk dikotomis, maka model ini sesuai dianggarkan menggunakan model logit.

Model yang dianggar dalam kajian ini dapat diringkaskan seperti berikut;

$$P_i = E(Y=1/X) = 1 / (1 + e^{-z}) \dots\dots\dots(1)$$

di mana;

$P_i$  adalah kebarangkalian bagi responden bersetuju dengan penjanaaan masjid iaitu  $Y=1$ , dan  $Y=0$  bagi responden yang tidak bersetuju.

Persamaan (1) boleh ditulis semula dalam bentuk berikut;

$$P_i = 1 / (1 + e^{-z}) = e^z / (1 + e^z) \dots\dots\dots(2)$$

Jika  $P_i$  mewakili kebarangkalian responden bersetuju untuk penjanaaan dana iaitu  $Y=1$ , maka kebarangkalian bagi individu yang tidak bersetuju ialah  $Y=0$  iaitu bersamaan  $(1-P_i)$ . Oleh itu kebarangkalian tidak bersetuju dengan penjanaaan dana masjid ialah;

$$(1 - P_i) = 1 / (1 + e^z) \dots\dots\dots(3)$$

Oleh itu, nisbah kebarangkalian untuk responden bersetuju adalah;

$$P_i / (1 - P_i) = e^z \dots\dots\dots(4)$$

Dengan mengambil kira natural log bagi persamaan (4), maka;

$$\begin{aligned} L &= \ln (P_i / (1 - P_i)) = \ln (e^z) \\ &= Z_i \\ &= f(X) \dots\dots\dots(5) \end{aligned}$$

Berdasarkan persamaan (5), kajian ini meneliti beberapa pemboleh ubah yang dipertimbangkan mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap pengembangan dana masjid ini iaitu;

$$Z_i = \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \beta_4 X_4 + \dots + \beta_i X_i \dots\dots\dots(6)$$

Berdasarkan persamaan (6)  $Z_i$  adalah satu fungsi  $f(X)$  dengan  $X$  merupakan pemboleh ubah bebas yang dipertimbangkan iaitu umur, tahap pendidikan, jenis pekerjaan, penglibatan sebagai jawatankuasa masjid, kepuasan responden terhadap jawatankuasa masjid dan pengurusan kewangan masjid sedia ada.

Oleh itu, berpandukan kepada persamaan (6) dan pemboleh ubah bebas yang dipertimbangkan, maka model khusus yang dianggarkan dalam kajian ini ialah;

$$L = \ln (P_i / (1 - P_i)) = \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \beta_4 X_4 + \beta_5 X_5 + \beta_6 X_6 \dots\dots (7)$$

Dengan;

	adalah log bagi nisbah "odds" persetujuan
$X_1$	umur responden
$X_2$	tahap pendidikan; 1 (tinggi; Diploma dan ke atas) dan 0 (rendah, tiada pendidikan hingga SPM)
$X_3$	jenis pekerjaan; 1 (profesional) dan 0 (tidak profesional)
$X_4$	penglibatan; 1 (pernah menjawat jawatan) dan 0 (tiada kaitan)
$X_5$	pengurusan Masjid (skala likert 1 (tidak berpuas hati) – 5 (sangat berpuas hati))
$X_6$	pengurusan Kewangan (skala likert 1 (tidak berpuas hati) – 5 (sangat berpuas hati))

Dalam persamaan (6), pemboleh ubah umur digunakan memandangkan ia berkaitan kematangan individu untuk berfikir dan memberi pandangan terhadap sesuatu cadangan. Pemboleh ubah digunakan secara meluas dalam pelbagai kajian bagi maksud mengukur kepuasan (Kamil, 2002; Sanep & Hairunnizam, 2004), sensitiviti (Raazia *et al.*, 2013) dan juga kepatuhan (al-Zuhaili, 2002; Fatimah, 1999). Pemboleh ubah pendidikan dan pekerjaan pula penting mempengaruhi penerimaan masyarakat terhadap pelaburan (Agabi, 2012; Loganathan *et al.* 2009). Untuk memahami bidang pelaburan, seseorang individu perlu untuk belajar atau terlibat secara langsung di dalamnya. Ini bagi memudahkan individu mengetahui tahap risiko, jenis pelaburan dan sebagainya.

Pemboleh ubah penglibatan pengalaman individu dalam organisasi masjid digunakan memandangkan ia mempengaruhi persepsi seseorang. Akses maklumat dan penglibatan secara langsung dalam organisasi memberikan gambaran yang jelas kepada individu berkaitan matlamat hala tuju organisasi dan juga halangan yang diatasi (Sharifah Hayaati & Mohd Mauli Azli, 2006). Pemboleh ubah pengurusan masjid dan kewangan pula digunakan memandangkan pelaburan institusi dikaitkan dengan kedua-dua isu ini (Mohamed Azam *et al.*, 2013, Sulaiman *et al.*, 2008; Abdul Rahim, 2006). Memandangkan penjanaaan dana ini melibatkan dana awam yang diurus oleh pihak pengurusan masjid yang dilantik, maka tahap kepercayaan masyarakat pada jawatankuasa dilantik adalah penting. Ketelusan institusi dalam berkongsi maklumat yang tepat dengan masyarakat dapat menjamin kejayaan sesebuah institusi. (Gruenfeld *et al.*, 1996; Gupta dan Govindarajan, 2000; Politis, 2003; Syed Ikhsan & Rowland, 2004). Oleh yang demikian, pemboleh ubah-pemboleh ubah ini penting dikaji bagi mengetahui tahap pandangan masyarakat Islam terhadap isu ini melibatkan institusi masjid.

#### ■4.0 HASIL KAJIAN

Jadual 1 menunjukkan deskripsi ringkas berkaitan responden. Frekuensi persetujuan masyarakat Islam di negeri Perak terhadap penjanaaan dana masjid adalah amat baik. Seramai 73.7% responden bersetuju dana masjid dikembangkan nilai dan kegunaan berbanding 26.3% yang berpandangan sebaliknya. Berdasarkan tahap persetujuan ini, ia menunjukkan bahawa penjanaaan dana masjid bagi tujuan kemaslahatan umat Islam diterima oleh masyarakat.

**Jadual 1** Persetujuan responden terhadap penajaan dana masjid

Tahap	Kekerapan (%)
Bersetuju	1156 (73.6)
Tidak Bersetuju	414 (26.3)

Jadual 2 menunjukkan penilaian kesesuaian model logit kepada data yang diperoleh daripada responden kajian. Nilai ini membandingkan nilai yang dijangka daripada pemboleh ubah bersandar dengan nilai sebenar data yang diperhatikan. Hasil daripada jadual menunjukkan bahawa model ini meramal dengan betul sebanyak 73.6 peratus daripada pemerhatian sebenar. Model ini juga berupaya untuk meramal responden yang bersetuju atau menerima cadangan pengembangan dana masjid berbanding responden yang tidak bersetuju.

**Jadual 2** Jadual klasifikasi regresi logistik

Pemerhatian	Diramalkan	
	Bersetuju	Tidak Bersetuju
Bersetuju	1149	7
Tidak	408	6

Bersetuju

Nota: Klasifikasi Benar (%), Menerima Cadangan = 99.4%;

Tidak Menerima Cadangan = 1.4%; Keseluruhan = 73.6%

Sesuai dengan penerimaan baik dalam kalangan responden ini serta model yang dianalisis, maka Jadual 3 menunjukkan hasil keputusan regresi logistik daripada persamaan (7).

**Jadual 3** Hasil keputusan regresi logistik

Pemboleh ubah bebas	Koefisien	Ekp		Statistik
		Koefisien	Wald	
Konstan	-1.319*	0.267	6.683	
Umur	0.024	1.025	0.028	
Pendidikan	0.377**	1.457	4.829	
Pekerjaan	-0.270**	0.763	4.853	
Penglibatan	0.248**	1.282	4.032	
Pengurusan (Jawatankuasa)	-0.121	0.886	1.071	
Pengurusan (Kewangan)	0.754*	2.124	37.634	

Nota: \*, \*\*, \*\*\* signifikan pada 1%, 5% dan 10%

Berdasarkan Jadual 3, dapat diperhatikan pengaruh faktor-faktor yang dikaji terhadap pemboleh ubah bersandar. Empat pemboleh ubah didapati signifikan dengan tiga daripadanya berhubung secara positif kecuali pekerjaan. Bagi pemboleh ubah pendidikan, ia berhubung positif dengan penerimaan cadangan penajaan dana masjid dengan nilai log nisbah odds adalah 0.377 di mana nilai ekp koefisien ialah 1.457. Nilai ini bermaksud jika tahap pendidikan responden meningkat sebanyak 1 unit, maka kebarangkalian individu untuk menerima cadangan ini meningkat sebanyak 45.7%.

Bagi pemboleh ubah pekerjaan, ia berhubung secara negatif dengan penerimaan cadangan penajaan dana masjid pada nilai ekp koefisien 0.763. Ia menunjukkan terdapat kebarangkalian kelompok pekerja tidak profesional kurang menerima cadangan ini. Untuk memastikan cadangan penajaan ini dapat diterima oleh semua pihak, pihak pelaksana perlu memberikan penerangan yang lebih tepat. Hal ini selaras dengan kemajuan yang dicapai oleh Jepun dengan menitikberatkan persoalan pendidikan dan latihan bagi setiaparganya (Mohd Fauzi & Mohd Khairul Naim, 2012).

Kajian ini juga membuktikan bahawa pengalaman individu dalam organisasi masjid signifikan mempengaruhi cadangan penajaan dana masjid. Log nisbah odds bagi pemboleh ubah ini ialah 0.248 dengan nilai ekp koefisien ialah 1.282. Nilai ini bermaksud sekiranya individu aktif dalam organisasi masjid meningkat sebanyak satu unit, maka penerimaan cadangan penajaan dana ini meningkat sebanyak 28.2%.

Selain itu, magnitud pengaruh pemboleh ubah pandangan masyarakat terhadap pengurusan kewangan semasa masjid amat signifikan mempengaruhi penerimaan masyarakat terhadap idea pengembangan dana masjid dan dapatan ini menyokong kajian Jamaliah *et al.* (2013). Log nisbah odds bagi pemboleh ubah ini ialah 0.754 dan signifikan pada aras keertian 1%. Nilai ekp koefisien adalah 2.124 yang bermakna bahawa sekiranya pengurusan kewangan masjid meningkat sebanyak satu unit, maka penerimaan individu menerima cadangan penajaan dana masjid ini meningkat sebanyak 112%. Peningkatan ini menunjukkan bahawa aspek pengurusan kewangan masjid merupakan aspek yang penting mempengaruhi kepercayaan atau penerimaan masyarakat bagi tujuan pengembangan dana masjid.

## ■ 5.0 IMPLIKASI DASAR

Berdasarkan dapatan analisis, kajian ini menimbulkan beberapa implikasi penting dalam usaha mengembangkan dana masjid bagi tujuan ekonomi, sosial dan sebagainya kepada masyarakat Islam. Kefahaman berkaitan matlamat pengembangan dana masjid perlu diberi penekanan bagi mengelakkan salah faham daripada masyarakat terhadap penggunaan wang yang disumbang. Maklum balas ahli kariah

terhadap strategi penjaan dana ini dapat diperoleh oleh organisasi masjid secara menyeluruh dengan penyebaran maklumat melalui medium khutbah Jumaat, tazkirah, ceramah dan sebagainya.

Memandangkan idea penjaan ini dapat diterima oleh golongan bekerja secara profesional, maka penerangan strategi ini dilihat lebih berfokus. Organisasi masjid selaku pihak bertanggungjawab dapat menasaskan sesi penerangan dan perbincangan dengan golongan tertentu sahaja. Hal ini penting untuk dilaksana untuk menerangkan kepentingan institusi masjid yang tidak terhad kepada fungsi ibadat sahaja sebagaimana zaman Nabi S.A.W. (Shaikh Ali, 2003).

Penglibatan dalam organisasi masjid didapati mempengaruhi secara signifikan penerimaan cadangan pengembangan dana masjid ini. Akses kepada maklumat masjid dan wujudnya jalinan hubungan organisasi dan aktiviti masjid dengan masyarakat memberikan kelebihan kepada individu untuk merancang strategi bermanfaat masjid terhadap ahli kariahnya. Oleh yang demikian, masyarakat setempat perlu digalakkan untuk terlibat secara aktif dalam organisasi masjid atau aktiviti masjid amnya. Melalui pendekatan ini, penerangan kefahaman kepentingan penjaan dana masjid dapat disampaikan dengan lebih mudah serta mengatasi isu salah faham dan penggunaan dana masjid pada masa hadapan.

Namun demikian, kajian ini turut mendapati cadangan ini dapat direalisasi dan diterima baik oleh masyarakat sekiranya aspek pengurusan kewangan masjid diuruskan secara cekap. Masyarakat Islam didapati mempunyai keyakinan terhadap kemampuan institusi masjid untuk memainkan peranan yang tidak terhad kepada fungsi ibadat sahaja. Oleh yang demikian, institusi masjid perlu menonjolkan keefisienan dan ketelusan dalam pengurusan kewangan masjid bagi memastikan sumbangan wang masjid daripada masyarakat Islam berterusan.

## 6.0 KESIMPULAN

Kajian ini mendapati bahawa faktor pendidikan, pekerjaan, penglibatan dan pengurusan kewangan masjid adalah faktor penting yang mempengaruhi persepsi masyarakat Islam di negeri Perak untuk bersetuju bagi membolehkan masjid menjana dananya. Penjaan dana oleh masjid secara umumnya disetujui sekiranya ia dapat digunakan bagi membantu golongan-golongan memerlukan. Selain itu, kecekapan dan ketelusan jawatankuasa masjid dalam menguruskan dana sedia ada bagi tujuan yang lebih penting dan bermanfaat kepada masyarakat setempat diamati signifikan mempengaruhi penerimaan ini. Atas sebab itu, pihak berautoriti iaitu Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan institusi masjid perlu mengenal pasti keperluan masyarakat setempat dalam usaha merealisasikan penjaan ini. Kesan limpahan yang diterima hasil daripada pihak penyumbang dana, masjid sebagai pengembang dana dan masyarakat sebagai penerima faedah dana diharapkan dapat merealisasikan kegemilangan institusi masjid dalam Islam.

## Penghargaan

Kajian ini dilaksana di bawah peruntukan Geran Penyelidikan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (Kod Penyelidikan ERGS: 2012-0086-107-22) serta diselia oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC-UPSI).

## Rujukan

- Abdul Rahim Abdul Rahman. (2006). Pre-Requisites For Effective Integration Of Zakah Into Mainstream Islamic Financial System In Malaysia. *Islamic Economic Studies*, 14(1/2), 91–107.
- Agabi, C. O. (2012). Education as an Economic Investment. *International Journal of Scientific Research in Education*, 5(1), 1–11.
- Ahcene Lahsasna. (2010). The Role Of Cash Waqf In Financing Micro and Medium Sized Enterprises (MMES) A New Islamic Financial Approach By Using Cash Waqf Model–Testing The Model On Malaysian Mmes Framework. *7th International Conference – The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy, Bangi 2010*, 97–118.
- Asharaf Mohd. Ramli, Abdullaah Jalil, Norman Hamdan, Asmaddy Haris, & Mohd. Aizuddin Abdul Aziz. (2009). Fatwa-fatwa Berkaitan Pengurusan Ekonomi dan Kewangan Masjid. *Seminar Pengurusan Masjid Peringkat Asia 2009*, 23–25 Julai 2009, EDC Hotel, Sintok, Kedah
- Asmak Abdul Rahman. (2009). Peranan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 17(1), 113–152.
- Cizaksa, M. (1995). Cash Waqfs of Bursa, 1555–1823. *Journal of the Economic and Social History of the Orient*, 38(3); 314–354.
- Ezad Azraai Jamsari, Siri Noorasikin Tumiran, Kaseh Abu Bakar dan Zamri Arifin. (2010). Peranan dan Sumbangan Institutasi Masjid dalam Pembangunan Masyarakat Melayu-Islam di Singapura: Satu Kajian di Masjid Assyafaah, Sembawang. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2), 31–44.
- Faizal Redzuan. (2009). Hotel dan Masjid dalam Satu Kompleks. *Milenia Muslim*, September 2009.
- Fatimah Sulaiman. (1999). *Tegahan Pengurusan Harta al-Hajr, Kajian Perbandingan Antara Syariat Islam dan Undang-Undang Sivil*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fidlizan Muhammad, Mohd Yahya Mohd Hussin, Nurul Fadly Habidin dan Salwa Amirah Awang. (2008). Mobilasi “Wang Jumaat”: Membentuk Dana Usahawan Muslim. *Prosiding Seminar Keusahawan Islam II Peringkat Kebangsaan*, 15 Oktober, 2008. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Gruenfeld, G.H., Mannix, E.A., Williams, K. Y. & Neale, M. A. (1996). Group Composition and Decision Making: How Member Familiarity and Information Distribution Affect Process and Performance. *Organizational Behavior and Human Decision Process*, 67(1), 1–15.
- Gujerati, D. N. (2003). *Basic Econometrics*. 4th edition. New York: McGraw Hill.
- Gupta, A.K. & Govindarajan, V. (2000). Knowledge Management Social Dimension: Lessons from Nucor Steel. *Sloan Management Review*, 42( 1), 71–81.
- Hydzulkifli Hashim Omar & Asmak Ab Rahman. (2013). Aplikasi Sukuk Dalam Usaha Melestarikan Aset Wakaf: Pengalaman Pemegang Amanah Wakaf Terpilih. *Jurnal Syariah*, 21(2), 89–116
- Imam Salleh & Sanep Ahmad. (2011). Indeks Keyakinan Terhadap Lembaga Zakat Selangor (LZS): Kajian Kes Kakitangan Universiti Kebangsaan Malaysia. *Prosiding PERKEM VI*, Jil.1: 115–123.
- Islahi, Abdul Azim. (1996). Provision of Public Goods – Role of Voluntary (Waqf) Sector in Islamic History. Dlm. Mannan, *Financing Development in Islamic Economics*. M. A. (ed.). Jeddah: IRTI/IDB.
- Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad, Mariani Abd Majid & Hairunnizam Wahid. (2010). Dana dan Harta Masjid di Malaysia: Ke Arah Pengurusan Strategik. *National Workshop on Capacity Building Towards Excellence in Econ. Research & Policy Formulation*, 23–24 April 2001, Fakulti Ekonomi UKM dan UUM. 1–13.
- Jamaliah Said, Azizah Mohamed, Zuraidah Mohd Sanusi & Sharifah Norzehan Syed Yusuf. (2013). Financial Management Practices in Religious Organizations: An Empirical Evidence of Mosque in Malaysia. *International Business Research*, 6(7), 111–119.

- Joni Tamkin Borhan, Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad, Mohd Fauzi Abu@Hussin. (2011). Membentuk Usahawan Muslim: Peranan Dana Masjid. *Al-Basirah*, 1(1), 53–63
- Kahf, Monzer. (2003). The Role of Waqf in Improving the Ummah Welfare. *Seminar Waqf as a Private Legal Body* di Indonesia, 6–7 Januari 2003.
- Mohamed Azam Mohamed Adil, Zuraidah Mohd-Sanusi, Noor Azaliah Jaafar, Mohammad Mahyuddin Khalid, Asmah Abd Aziz. (2013). Financial Management Practices of Mosques in Malaysia. *GJAT*, 3(1), 23–29.
- Mohamed Dahan Abdul Latif. (1998). Zakat Management and administration in Malaysia. *Seminar of Zakat and Taxation*, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Mohd Abd Wahab Fatoni Mohd Balwi & Adibah Hasanah Abd Halim. (2008). Mobilisasi Zakat Dalam Pewujudan Usahawan Asnaf: Satu Tinjauan. *Jurnal Syariah*, 16, 567–584
- Mohd Fauzi Hamat & Mohd Khairul Naim Che Nordin. (2012). Tinjauan Kepentingan Pembangunan Modal Insan Di Malaysia. *Jurnal Al-Tamaddun*, 7: 1075–89.
- Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak, Nurul Fadly Habidin, Syed Ismail Syed Mohamed. (2012). Eksplorasi Dana Kewangan Masjid di Negeri Perak. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII) Transformasi Ekonomi Dan Sosial Ke Arah Negara Maju* Ipoh, Perak, 2: 1274–1286.
- Muhammad Syukri Salleh. (2002). *Lokalisasi Zakat: Satu Kajian Teoritis Prosiding Muzakarah Pakar Zakat*. Kuala Lumpur: Univision Press Sdn. Bhd.
- Loganathan, Nanthamumar, Nur Azura Sanusi & Mohd Fikri Mohamad. (2009). Pulangan Pelaburan Sosial Pendidikan Negeri Maju-Kurang Maju Malaysia. *Prosiding PERKEM IV*, 2: 427–438.
- Politis, J. (2003). The Connection Between Trust and Knowledge Management: What are Its Implications for Team Performance. *Journal of Knowledge Management*, 7(5), 55–66.
- Raazia Irshad, Maryam Hashmi, Abeeda Hassan, Talal Zahid and Sohaib Hassan. (2013). Demographic Variables Impact on Service Climate and Overall Customer Perception about Service Quality: Evidence from Healthcare Industry. *World Applied Sciences Journal*, 26(6), 737–743.
- Sadeq, Abul Hasan M. (2002). Waqf, Pertual Charity and Poverty Alleviation. *International Journal of Social Economics*, 29(1/2), 135–151.
- Salawati Idris. (2009). Aset Masjid BBU hamper RM8 juta. *Milenia Muslim*, September 2009.
- Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid. (2005). Persepsi Agihan Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Zakat Melalui Institusi Formal. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 39, 53–69.
- Shaikh Ali Mohamad Mokhtar. (2003). *Peranan Masjid dalam Islam*. Kuala Lumpur: YADIM
- Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy & Mohd Mauzi Azli Abu Bakar. (2006). Etika Penyelesaian Konflik dalam Pentadbiran Islam: Suatu Perbandingan. *Jurnal Syariah*, 14(1), 1–22.
- Shofian Ahmad & Luqman Mahadi. (2013). Pelaburan Wang Zakat oleh Institusi Zakat Menurut Pandangan Islam. *Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 25(1), 122–135.
- Siciliano, J. I. (1997). The Relationship Between Formal Planning and Performance in Nonprofit Organizations. *Nonprofit Management and Leadership*, 7(4), 387–403.
- Siti Mashitoh Mahamood. (2007). Pembentukan Dana Wakaf Menurut Perspektif Syariah Dan Undang-Undang serta Aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 15(2), 61–83.
- Siti Mashitoh Mahamood. (2006). *Waqf in Malaysia: Legal and Administrative Perspective*. Kuala Lumpur: University Malaya Press.
- Suhaili Sarif & Nor `Azzah Kamri. (2009). A Theoretical Discussion of Zakat For Income Generation And Its Fiqh Issues. *Jurnal Syariah*, 17(3), 457–500.
- Sulaiman, M., Siraj, S. A., & Mohamed Ibrahim, S. H. (2008). Internal Control Systems in West Malaysia's State Mosques. *The American Journal of Islamic Social Sciences Association of Muslim Social Scientists and the International Islamic University Malaysia*, 25(1), 65–81.
- Syahnaz Sulaiman. (2012). Isu Pembangunan Wakaf Menggunakan Struktur Amanah Pelaburan Hartanah Islam di Malaysia: Satu Tinjauan. *Kanun Jurnal undang-undang Malaysia*, 24: 149–162.
- Syed-Ikhsan, S. & Rowland, F. (2004). Knowledge Management in Public Organizations: A Study on the Relationship Between Organizational Elements and the Performance of Knowledge Transfer. *Journal of Knowledge Management*, 8(2): 95–111.
- Wahbah al-Zuhaili. (2002). *Fiqh dan Perundangan Islam*, Jil. 4, Md. Akhir Yaakob et al. (terj). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Marhaini Wan Ahmad & Shamsiah Mohamad. (2012). Classical Jurists' View on the Allocation of Zakat: Is Zakat Investment Allowed? *Middle-East Journal of Scientific Research*, 12(2), 195–203.